



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Accountant General's Department Malaysia
NEGERI PAHANG

Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 Kuantan, Pahang Darul Makmur
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000
Faks : 609-516 4931
Laman Web : <https://pahang.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.4 (23)

Tarikh : 05 September 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERINGATAN : SENARAI PENERIMAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN (FRN/GRN) BAGI TEMPOH SEHINGGA 31 OGOS 2024 YANG MASIH BELUM DISEMPURNAKAN PEMBAYARAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan semakan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Pahang mendapati **PTJ YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan mempunyai penerimaan bekalan dan perkhidmatan (FRN/GRN) yang masih belum selesai sehingga pembayaran kepada pembekal.** Untuk makluman pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan, selaras dengan **PK 5.1 Perolehan Menggunakan Sistem ePerolehan, Para 7.5** telah menetapkan bahawa:

"Agensi bertanggungjawab untuk memastikan pembekal melaksanakan perkara berikut:

7.5.1 Mengemukakan Pesanan Penghantaran selepas pesanan dibuat mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh Agensi.

7.5.2 Mengemukakan Invois dengan kadar segera selepas penghantaran bekalan/perkhidmatan diterima dan disahkan."

3. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memastikan **invois diterima daripada pembekal dan memproses Arahan Pembayaran dengan segera** bagi transaksi yang telah dibuat penerimaan bekalan dan perkhidmatan (FRN/GRN). Manakala bagi penerimaan bekalan dan perkhidmatan (FRN/GRN) yang tidak diperlukan, dokumen tersebut hendaklah dibatalkan. PTJ boleh menyemak senarai dokumen penerimaan bekalan dan perkhidmatan (FRN/GRN) yang masih belum lengkap di portal iGFMAS di bawah Modul Perolehan – Laporan – Laporan Tanggungan Belum Selesai Pesanan Kerajaan.

4. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan **senarai penerimaan bekalan dan perkhidmatan (FRN/GRN) bagi tempoh sehingga 31 Ogos 2024 yang masih belum disempurnakan pembayaran seperti di Lampiran A** untuk **TINDAKAN SEGERA** pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan jua. PTJ terlibat juga dimohon untuk memberikan maklum balas berhubung **status terkini di Lampiran A sebelum atau pada 13 September 2024 (Jumaat)** untuk dibincangkan perkara tersebut di peringkat Pengurusan JANM.

5. Kerjasama dan pemantauan berterusan pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah diharapkan bagi memastikan pengurusan kewangan sentiasa cekap dan efisien. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Unit Pengurusan Dana, JANM Negeri Pahang di talian 09-591 5037/5013/5036.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(FREDRICK GUPONG ANAK TAWAN C.A. (M), ACMA, CGMA)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang